

25/06/2001

KDN bertindak jika akhbar main isu perkauman

KUALA LUMPUR, Ahad - Kementerian Dalam Negeri (KDN) tidak teragak-agak mengambil tindakan terhadap mana-mana akhbar yang cuba memainkan isu sensitif, terutama membabitkan perkauman.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata KDN sentiasa memantau laporan akhbar bagi memastikan mereka tidak memutarbelitkan fakta sehingga menyebabkan sesuatu peristiwa itu disalahtafsirkan oleh rakyat.

"Jika ada apa-apa yang berkaitan dengan sesuatu yang boleh diberi amaran maka tindakan itu tetap akan diambil," katanya kepada pemberita selepas menyertai Pertandingan Golf Amal Pemuda Gerakan Selangor di Templer Park, dekat sini.

Beliau yang juga Menteri Dalam Negeri ditanya apakah KDN sudah mengambil tindakan terhadap dua akhbar Cina yang diberi amaran oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam supaya berhenti mengapi-apikan isu perkauman.

Dr Mahathir yang juga Presiden Umno, ketika berucap menggulung perbahasan pada Perhimpunan Agung Umno, mahu Nanyang Siang Pau dan China Press berhenti mengaitkan nama beliau dalam pembelian kedua-dua akhbar itu.

Perdana Menteri menegaskan orang atau kumpulan tertentu yang mengaitkannya dalam kontroversi pembelian akhbar berkenaan mahu masyarakat Cina bukan saja membencinya, tetapi juga kerajaan yang didokong Umno.

"Saya nak minta kepada akhbar-akhbar ini, jangan main isu ini. Jangan cuba melibatkan saya dalam perkara ini. Akhbar Cina bebas seperti akhbar lain, tetapi kalau main isu perkauman...", katanya.

Mengenai dua akhbar berkenaan, Abdullah berkata, beliau tidak tahu sama ada KDN sudah mengambil sebarang tindakan terhadap mereka.

"Pada waktu ini saya tidak tahu sama ada KDN sudah ambil apa-apa tindakan, tetapi biasanya pegawai saya di KDN sentiasa memantau," katanya.

Timbalan Perdana Menteri berkata, KDN juga memanggil wakil akhbar untuk diberi taklimat berhubung sesuatu peristiwa bagi memastikan akhbar mereka membuat laporan tepat.

"Apabila terjadi sesuatu, kita ingatkan mereka supaya membuat laporan yang bertepatan dengan maklumat berkaitan sesuatu situasi supaya tidak akan timbul kejadian yang disensasikan atau berlaku andaian yang tidak kena," katanya.

Pada majlis itu, Abdullah menyampaikan hadiah kepada pemenang pertandingan yang turut disertai Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik; Ketua Pemuda Gerakan Selangor, Lau Yeng Peng; Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Datuk Ambrin Buang dan Ketua Polis Negara, Tan Sri Norian Mai.

(END)